

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
PUAN HAJAH WAN SALMAH BINTI WAN SULAIMAN
PENARI DAN PENYANYI**

OLEH:

AHMAD MUZAKKIR BIN ZAILAN ZAMRI	2022931207
MUHAMAD IKMAL AIZZAT BIN MOHD ASERI	2022786027

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2023 – OGOS 2023)**

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat ilahi dengan limpahan rahmat serta nikmat masa,nyawa tenaga yang dianugerahkan kepada kami, Akhirnya kami dapat menyiapkan tugas untuk subjek "Oral Documentation (IMR604) iaitu Projek Sejarah Lisan dengan jayanya.

Dengan kesempatan yang ada ini, saya amat berbesar hati untuk menghadihkan jutaan terima kasih kepada pensyarah kami iaitu Puan Nurulannisa Binti Abdullah kerana telah memberi peluang kepada kami dan meletakkan sepenuh kepercayaan beliau kepada kami untuk menjayakan tugas yang telah diberikan. Berkat tunjuk ajar, bimbingan dan dorongan yang telah diberikan oleh beliau, kami telah berjaya menyelesaikan projek ini dengan jayanya walaupun terdapat pelbagai kekangan dan cabaran. Seterusnya, jutaan terima kasih kepada Puan Wan Salmah Binti Wan Sulaiman kerana sudi meluangkan masa sebagai peserta kajian bagi menyempurnakan projek ini dengan berkongsi pengalaman beliau sebagai seniwati yang telah lama berkhidmat dalam industri seni dan kebudayaan Malaysia. Beliau telah menerima pelbagai anugerah yang berjaya menaikkan nama beliau.

Kami yakin bahawa pengalaman manis dan duka beliau mampu menjadi inspirasi kepada masyarakat dan generasi industri seni pada masa akan datang. Tidak dilupakan juga, ribuan terima kasih kepada keluarga kami yang membantu dari segi kewangan dan sokongan moral yang tidak terhingga dalam menjayakan tugas ini. Ucapan penghargaan ini juga saya tujukan kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu dengan memberi peringatan dan berkongsi pendapat sepanjang tugas ini dilaksanakan. Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak yang terlibat secara langsung atau secara tidak langsung. Sesungguhnya, kami dengan tulus ikhlasnya menghargai segala bantuan dan pengorbanan yang telah diterima sepanjang projek in dilaksanakan. Sekian, terima kasih

SENARAI ABREVIASI

AMT	Ahli Mahkota Terengganu
ASWARA	Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan
FINAS	Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
KBN	Kompleks Budaya Negara
LCE	Lower Certificate Education
MRSM	Maktab Rendah Sains MARA
RTM	Radio Televisyen Malaysia
SUKTRA	Kumpulan Penari Dan Pemuzik Tetap Negeri Terengganu
STP	Sijil Tinggi Pelajaran
SPA	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
PJK	Pingat Jasa Kebaktian
PPN	Pingat Pangkuan Negara
UiTM	Universiti Teknologi MARA

SENARAI SINGKATAN

AM:	Ahmad Muzakkir
IA:	Ikmal Aizzat
WS:	Wan Salmah

RUJUKAN KATA

Ambik	Ambil
Bagitau	Beritahu
Dok	Tak
Doksoh	Jangan
Gitu	Begitu
Jugok	Juga
Nak	Hendak
Pastu	Selepas itu
Pulok	Pula
Takde	Tidak ada
Takpe	Tidak apa
Tiok	Marah
Tu	itu

BIODATA PENEMUBUAL



Gambar 1 Penemu Bual 1

NAMA	Ahmad Muzakkir Bin Zailan Zamri
ALAMAT	
E-MEL	
NO. TELEFON	
TARIKH LAHIR	
TEMPAT LAHIR	
PROGRAM	Pengurusan Sistem Maklumat (IM245)



Gambar 2 Penemu Bual 2

NAMA	Muhamad Ikmal Azzat bin Mohd Aseri
ALAMAT	
E-MEL	
NO. TELEFON	
TARIKH LAHIR	
TEMPAT LAHIR	Pengurusan Sistem Maklumat
PROGRAM	(IM245)

ABSTRAK

ABSTRAK

Temubual ini dilakukan bersama tokoh seni dan budaya tradisi Terengganu iaitu Wan Salmah binti Wan Sulaiman untuk mengetahui tentang latar belakang dan penglibatan beliau dalam kerjayanya sebagai tokoh budaya dalam bidang seni. Temubual ini telah dijalankan di kediaman beliau iaitu di, Kuala Terengganu. Tarikh temubual tersebut adalah pada 20 Mei 2023 bermula pada jam 10:30 pagi hingga 1:00 petang. Wan Salmah binti Wan Sulaiman adalah bekas penari, penyanyi dan pelakon. Wan Salmah binti Wan Sulaiman mula menceburi bidang seni di usia muda iaitu 14 tahun pada tahun 1950-an. Kerjaya beliau tidak terhad didalam Malaysia malah beliau juga telah mengembangkan bakat beliau diluar negara. Pelbagai ujian dan cabaran telah dihadapi oleh Wan Salmah binti Wan Sulaiman semasa bergiat didalam bidang seni ini. Sejarah kehidupan dan kerjaya beliau dapat dijadikan sumber inspirasi kepada semua orang.

Kata kunci

Tarian Gamelan, Ulek Mayang, Wan Salmah, Terengganu, Makyong.

Abstract

This interview was conducted with Terengganu's traditional art and culture figure Wan Salmah binti Wan Sulaiman to learn about her background and involvement in her career as a cultural figure in the field of art. This interview was conducted at her residence in Kampung Mengabang Tengah, Batu Buruk, Kuala Terengganu. The date of the interview is on 20th May 2023 starting at 10:30 am to 1:00 pm. Wan Salmah binti Wan Sulaiman is a former dancer, singer and actress. Wan Salmah binti Wan Sulaiman began to venture into art at a young age of 14 in the 1950s. His career is not limited in Malaysia but she has also developed her talent abroad. Various tests and challenges have been faced by Wan Salmah binti Wan Sulaiman while she was active in this field of art. The history of his life and career can be used as a source of inspiration for everyone.

Keywords

Tarian Gamelan, Ulek Mayang, Wan Salmah, Terengganu, Makyong

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
PENGHARGAAN	3
SENARAI ABREVIASI	5
RUJUKAN KATA	7
BIODATA PENEMUBUAL	8
ABSTRAK	10
ISI KANDUNGAN	12
BIODATA TOKOH.....	14
PENGENALAN TOKOH.....	16
PERSEMBAHAN DI PENTAS ANTARABANGSA.....	17
PENARAFAN TERTINGGI	17
PENGENALAN.....	18
TRANSKRIP	20
BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG TOKOH	21
BAHAGIAN B: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN TOKOH.....	23
BAHAGIAN C: PENGALAMAN KERJAYA SEBELUM BIDANG TARIAN	28
BAHAGIAN D: BIDANG TARIAN	36
BAHAGIAN E: BIDANG LAKONAN.....	44
BAHAGIAN F: PENGLIBATAN AKTIF.....	45
BAHAGIAN G: PANDANGAN, PENDAPAT & HARAPAN	50
BAHAGIAN H: PENCAPAIAN, PENGANUGERAHAN & SUMBANGAN TOKOH.....	51
LOG TEMUBUAL.....	56
BIBLIOGRAFI	64
LAMPIRAN.....	65
SURAT PERJANJIAN	66
SENARAI SOALAN	67
DIARI KAJIAN	76
SIJIL PENGHARGAAN	78
GAMBAR BERSAMA TOKOH	81
INDEKS	83

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Gambar 3 Tokoh

NAMA	Wan Salmah binti Wan Sulaiman
NAMA SAMARAN	Mami
TARIKH LAHIR	
TEMPAT LAHIR	
ALAMAT	
NOMBOR TELEFON	
PROFESION	Penari, Pelakon, Penjawat awam
BIDANG	Seni dan Kebudayaan

PENGENALAN TOKOH

Tokoh Seni Terengganu iaitu Wan Salmah binti Wan Sulaiman ataupun lebih dikenali sebagai mami. Beliau dari anak kelahiran Kampung Tiong yang terletak di Kuala Terengganu. Puan Wan Salmah dilahirkan pada 16 September 1944 dan merupakan anak yang kedua dari sebelas orang adik – beradik yang terdiri daripada enam lelaki dan lima perempuan. Ibunya yang bernama Dayang Binti Ali digelar sebagai 'Cik' manakala ayahnya pula bernama Wan Sulaiman Bin Long turut digelar sebagai 'Bak'. Selain itu, beliau bersekolah di Sekolah Kebangsaan Bukit Jambul dari darjah satu hingga darjah empat dan menduduki peperiksaan Special Malay Class. Beliau telah lulus dan berjaya dalam peperiksaan di Sekolah Kebangsaan Bukit Jambul untuk memasuki ke Sultan Sulaiman Primary School Special Malay Class One hingga darjah enam. Kemudian, beliau menyambung pelajaran ke Sekolah Sultan Sulaiman Secondary School dari tingkatan satu hingga tingkatan lima. Akhirnya, beliau mendapat kelulusan iaitu Senior Cambridge ataupun lebih dikenali sebagai Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM). Semasa di Sekolah Menengah Sultan Sulaiman, beliau telah diberi tunjuk ajar oleh Cikgu Aziz dalam mempertingkatkan penglibatan seni beliau untuk melakukan persembahan – persermbahan di sekolah.

Dalam mengenali hal ini, beliau merupakan tokoh budaya yang mempunyai pengalaman yang berharga sejak dari zaman remaja sehingga kini dalam pelbagai bidang seni warisan. Antara bidang seni yang diceburinya ialah bidang seni tari khususnya Tarian Gamelan, Tarian Ulek Mayang, bidang lakonan dan nyanyian. Beliau merupakan salah satu penggerak SUKTRA ketika penubuhannya pada tahun 1974 dan menyertai Kelab Belia Darul Ehsan dahulu. Persatuan Belia Darul Ehsan adalah satu persatuan yang sangat aktif dalam bidang kesenian dan kebudayaan di Negeri Terengganu kerana persatuan ini telah banyak menyumbang jasa serta menaikkan imej negeri Terengganu. Tarian dan nyanyian Ulek mayang ini di bawa oleh arwah Tuan Haji Mazlan bin Embong dan dijadikan sebuah drama tari dengan mempersembahkan kepada masyarakat. Puan Wan Salamh Wan Sulaiman pernah belajar menari dan menyanyi di Persatuan Belia Darul Ehsan bersama sahabat-sahabat seperjuangan beliau. Wan Salmah Wan Sulaiman merupakan orang pertama yang merakamkan lagu Ulek mayang di radio Terengganu sekitar awal tahun 70-an dan pernah menerbitkan sebuah album yang berjudul Senandung. Namun kini, beliau sudah berusia 79 tahun dan suara 'berkarat' Wan Salmah masih diingati oleh peminat-peminat yang suka mendengar alunan muzik nyanyian yang di bawa oleh beliau seperti lagu Ulek Mayang.

PERSEMBAHAN DI PENTAS ANTARABANGSA

1. Persembahan dibuat di beberapa negara seperti Milan, Frankfurt, Amsterdam, London, dan Zurich.
2. Mewakili Malaysia ke Festival Seni Asean Kali ke-9 di Hong Kong pada tahun 1984
3. Menyertai Promosi Penggalakan Pelancongan ke Negara Eropah pada tahun 1988

PENARAFAN TERTINGGI

1. Pelakon Wanita Terbaik Terengganu 1972
2. Pingat Jasa Kebaktian (PJK)
3. Pingat Pangkuan Negara pada tahun 1979 (PJN)
4. Anugerah Khidmat Cemerlang Negeri Terengganu pada tahun 1987
5. Anugerah Khas Juri Tokoh Budaya Terengganu pada tahun 1991
6. Ahli Mahkota Terengganu pada tahun 1992
7. Tokoh Seni Budaya Terengganu pada tahun 2016

Walaupun bagaimanapun, seperti dilihat Puan Wan Salmah sangat aktif dalam dunia seni namun beliau sebenarnya mempunyai pekerjaan tetap sebagai kakitangan kerajaan. Pada awalnya beliau berkhidmat sebagai pegawai kerani pendidikan di Sekolah Kebangsaan Tengku Ampuan Mariam, Kuala Terengganu pada tahun 1963 hingga 1975. Selepas itu, di akhir alam pekerjaan, beliau berjaya menjawat jawatan Penolong Pegawai Tadbir di Bahagian Latihan Jabatan Pendidikan Awam Malaysia, Kuala Lumpur dan di Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu.

PENGENALAN

PENGENALAN

Menerusi sumber dari Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, seni dapat ditafsirkan sebagai karya yang diciptakan dengan bakat, iaitu hasil ciptaan halus dan karya seni yang mempunyai nilai keindahan dan memberikan kepuasan kepada peminatnya, Contohnya, lukisan, tarian, puisi dan juga ukiran. Budaya boleh dimaksudkan sebagai cara hidup. Kamus Dewan (2005) mendefinisikan bahawa budaya adalah sebagai kemajuan minda, akal budi iaitu cara berfikir, berkelakuan dan sebagainya. Oleh itu, budaya dapat didefinisikan sebagai cara hidup yang diamalkan oleh kumpulan tertentu dan merangkumi sistem sosial, struktur organisasi ekonomi, politik, agama, kepercayaan, adat istiadat, sikap dan nilai.

Menurut Pusat Kajian Sejarah Lisan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), sejarah lisan adalah kaedah di mana peristiwa yang ditempuhi oleh seseorang tokoh telah dicatatkan dalam suatu wawancara. Tokoh yang terpilih biasanya terdiri daripada mereka yang dapat menyumbangkan maklumat sejarah dari penglibatan dan pengalaman mereka sendiri, atau kerana hubungan langsung mereka dengan watak, masa atau peristiwa tertentu. Maklumat yang diperolehi dari wawancara kemudian disalin dan setelah selesai disemak dan ditaip ianya boleh dijadikan sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan.

Memelihara warisan seharusnya menjadi tanggungjawab utama dalam membangunkan generasi di masa hadapan. Ini kerana, warisan akan melambangkan budaya bagi setiap bangsa yang seharusnya dipraktikkan sehingga akhir zaman. Tinggalan Sejarah seringkali dikaitkan dengan sumber utama untuk menarik perhatian pelancong luar yang berkunjung ke negara kita. Oleh itu, wajarlah identiti negara dipelihara dengan menjaga dan mewarisi tinggalan sejarah itu

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Berikut merupakan temubual Sejarah lisan mengenai latar belakang dan Sejarah hidup seorang seniwati dalam bidang seni nyanyian dan tarian bersama-sama kami ialah Wan Salmah Binti Wan Yang merupakan seorang penggiat seni yang termahsyur di Terengganu. Beliau bergerak aktif sebagai penari gamelan, penyanyi, pelakon dan puisi. Beliau merupakan penyanyi asal lagu tradisional Terengganu iaitu Ulek Mayang. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 20 Mei 2023 bersamaan dengan hari Sabtu pada pukul 10 pagi bertempat di rumah kediaman beliau. Temubual ini dikendalikan oleh Ahmad Muzakkir bin Zailan Zamri dan Muhamad Ikmal Aizzat bin Mohd Aseri. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

Petunjuk:

AM: AHMAD MUZAKKIR

WS: WAN SALMAH

IA: IKMAL AIZZAT

BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG TOKOH

AM: Soalan pertama, latar belakang tokoh

AM: **Apakah nama penuh puan?**

WS: Nama saya, Wan Salmah binti Wan Sulaiman. Mami kebiasanya Mami suka bahasakan diri Mami sebagai Mami lah. Senangkan? Kalau rasa sebut saya tu rasa *too formal* [terlalu formal] kan? (ketawa) Jauh rasanya. Bila sebut Mami tu Mami rasa lebih mesra lah. Jadi Mami akan bahasakan diri Mami lah ya.

AM: **Nama penuh ibu bapa Mami?**

WS:

AM: **Mami dilahirkan di mana?**

WS: Di Kuala Terengganu.

AM: **Bila Tarikh Mami dilahirkan?**

WS: 16 September 1944. Sekarang ni Mami dah 79 tahun lah umur Mami.

AM: **Tempat Mami menetap sekarang?**

WS: Batu Buruk, Kuala Terengganu

AM: **Adakah Mami sudah berkahwin?**

WS: Ya, sudah.

AM: **Berapakah bilangan anak Mami?**

WS: Anak Mami 7 orang, 2 lelaki--- 2 perempuan, 5 lelaki Anak sulung Mami meninggal ketika usia dia 44 tahun. Sekarang ni kiranya dia dah meninggal 15 tahun lebih lah.

AM: **Adakah Mami mempunyai adik beradik yang lain?**

WS: Mami ramai, adik beradik Mami ramai. 12 orang.

AM: 12 orang?

WS: Ya. Tapi yang masih hidup tu, tinggalnya 6 [enam] oranglah dengan Mami. Yang masih hidup.

AM: **Apakah hobi Mami di luar kerjaya Mami sekarang?**

WS: Kerjaya maksudnya kerja? Kerja hakiki? Jawatan?

AM: Kerjaya macam- selain gamelan.

WS: Ah ni lah. Hobi?

AM: Ha hobi.

WS: Mami tak ada satu hobi yang khusus. Tapi sebagai seorang anak seni, sudah pastinya hobi Mami biasalah kan. Ketika aktif tu [itu], biasalah hobi Mami nyanyi, menari, berlakon. Dan juga jika diundang tu [itu], membaca puisi-puisi lah. Masa dulu [dahulu] lah ya.

TAMAT BAHAGIAN A

BAHAGIAN B: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN TOKOH

AM: Sekarang, kami akan beralih ke latar belakang pendidikan Mami. Boleh ya?

WS: *Okay* (baiklah).

AM: **Dimanakah Mami belajar ketika sekolah rendah?**

WS: Mami belajar di Sekolah Kebangsaan Bukit Jambul. Dari darjah 1 [satu] sampai darjah 4 [empat]. Masa darjah 4 [empat] tu [itu], Mami ketika itu ada peperiksaan untuk sambung belajar ke sekolah Inggeris. Jadi, Mami ambil peperiksaan tu [itu] dan lulus. Mami sambung belajar di Special Malay Class 1. Dia Special Malay Class 1, Special Malay Class 2 dan Standard 6. Jadi, Mami sambung belajar di Sultan Sulaiman Primary School. Special Malay Class 1, 2 dan Standard 6. Mami menyambung pelajaran ke peringkat menengah di Sultan Sulaiman Secondary School. Dari tingkatan tahun 1 sampai tingkatan 5 lah. *Form* (tingkatan) 1 sampai *form* (tingkatan) 5. Dan tamat belajar. Masa Mami sekolah tu [itu], peperiksaannya adalah senior Cambridge. Memang soalan tu [itu] semua macam dari luar negeri lah. Masa tu [itu] sekolah pun memang pengantar bahasa Inggeris.

AM: **Mami start sekolah pada tahun berapa?**

WS: Masa mula-mula masuk tu [itu], Mami 1951 lah. Di Bukit Jambul. '55, 1955, Sultan Sulaiman Primary school. Lepas tu, *form* (tingkatan) 1 tu [itu]-, tahun 1958. Masa di Sekolah Menengah. Sultan Sulaiman Secondary School. Tahun '58 [1958] sampai tahun '62 [1962].

AM: 1952?

WS: '62 [1962]. '58 [1958] sampai '62 [1962].

AM: *Okay* [baiklah].

AM: **Apakah pencapaian terbaik yang Mami pernah dapat di sekolah?**

WS: Mami nak kata pencapaian terbaik tu [itu] tak ada yang terbaik jugalah. Tapi *average* (purata) lah. Ha *average* (purata). Mungkin Mami memang terlalu aktif dalam bidang kesenian dan kebudayaan kan. Dari sekolah rendah lagi, Bukit Jambul, Sekolah Primary Sultan Sulaiman Primary School, sampai ke sekolah Sultan Sulaiman Secondary School tu [itu] memang Mami sangat aktif lah dalam bidang kesenian dan kebudayaan ni [ini] dan selalu mewakili sekolah lah apabila ada sebarang persembahan. Ketika di sekolah menengah juga, Mami menganggotai, satu Persatuan Belia Darul Ehsan. Jadi memang banyak masa Mami dalam ni [ini] lah, di samping

bersekolah tu memang dari awal tu Mami memang aktif lah dalam bidang kesenian dan kebudayaan ni [ini]. [Rakan bercakap dengan Mami]

AM: **Soalan seterusnya, apakah cabaran terbesar yang Mami lalui ketika zaman persekolahan?**

WS: Cabaran yang terbesar?

AM: [Angguk] cabaran yang terbesar.

WS: Dia agak sensitif sikit lah. Tapi tak apalah kan. Itu perjalanan hidup Mami. Keadaan kewangan keluarga yang agak tak berapa bagus jadi itu banyak yang Mami lalui untuk meneruskan pengajian Mami sampai Mami tamat lah. Sebab adik-beradik Mami ramai. Mak ayah pun. Mak zaman dulu tu [itu] pun macam suri rumah. Ayah Mami pun tak ada pekerjaan bagus macam orang lain. Walaupun Mami dipelihara oleh ibu angkat, peringkat awalnya dia pun seorang janda. Tak ada suami. Peringkat awal tu [itu] memang adalah dia sikit sebanyak nak dikatakan sebagai ibu tunggal tu adalah barang-barang sikit tapi dia tidak ada pekerjaan juga. Jadi masa dulu kalau sekolah tu [itu] memang banyak kena bayar kan buku-buku teks pun kena beli tapi daripada awal tu memang ibu angkat Mami ni [ini], memang dia yang tanggung lah segala perbelanjaan Mami sebab peringkat awal tu [itu] Mami tak tahu yang Wan Sulaiman tu [itu] ayah Mami sebab ibu angkat Mami ni [ini] selalu buat cerita yang Mami ni [ini] bukan anak Wan Sulaiman tu [itu] sebab dia--- tapi kami duduk- rumah dalam satu kampung rumah kami lah, dekat tapi dia selalu beritahu Mami ni [ini] anak dialah, bukan anak Wan Sulaiman. Jadi bila Mami tanya dia kenapa binti wan sulaiman, pastu [selepas itu] dia cakaplah dia minta wan sulaiman pergi *report* (lapor) kelahiran Mami kan. Habis tu [itu] dia kata wan sulaiman ni [ini] pergi letak nama dia. Jadi dari kecik [kecil] tu [itu] Mami percayalah dengan apa yang dia katakan. Tapi bila dah --- semasa dalam tingkatan 2 [dua], tingkatan 3 [tiga] tu apabila keadaan kewangan mak angkat Mami ni [ini] dah takde [tidak ada] berduit lagi dah, takde [tidak ada] wang, sebab dia pun takde [tidak ada] kerja kan. Jadi untuk kehidupan seharian kami bertahun-tahun tu ada barang-barang kemas dia ada apa-apa je [Sahaja] kepunyaan dia tu, kiranya jual dan sebagainya lah untuk tanggung Mami sekolah. Jadi semasa Mami tingkatan 2 [dua] nak naik tingkatan 3 [tiga]— naik tingkatan dualah [2] dia pun dah memang takde [tidak ada] duit sangat sehinggakan dia ambik upah cuci baju orang. Jadi masa nak sekolah tu dia suruh Mami tumpang--- [gangguan teknikal]. Ibu angkat Mami ni [ini] dia dapat bantuan Pejabat Kebajikan Masyarakat

sebab dia miskin, anak ramai. Jadi ibu angkat Mami suruh Mami tumpanglah konon-kononnya anak wan sulaiman lah kan. Dari situlah Mami perlahan-lahan dapat tau [tahu] yang Mami ni [ini] anak wan sulaiman lah. Jadi Mami ---masa ayah Mami memohon bantuan tu [itu] dia masuk sekali lah nama Mami. Jadi tingkatan 2 [dua] tu [itu] dapat bantuan buku daripada Pejabat Kebajikan. Tapi nak dijadikan cerita, Pejabat Kebajikan Masyarakat terbakar. Jadi segala fail-fail permohonan orang yang pernah dapat bantuan ni [ini] semua hangus. Jadi ayah Mami terpaksa memohon kembalilah. Semualah orang yang---. Dah fail semua terbakar, takde [tidak ada] rekod, walaupun dia kenal tapi prosedur dia memang kena memohon kembalilah. Jadi kena memohon kembalilah. Permohonan barulah. Masa tu [itu] Mami tingkatan 3 [tiga] masa kejadian kebakaran tu. Mami lulus LCE [Lower Certificate of Education] tu [itu], dapat naik tingkatan 4 [empat]. Jadi, nak jadikan cerita, rumah orang zaman dulu, macam rumah ayah Mami lah. Dia satu rumah besar tapi ramai adik beradik sebelah mak Mami. Diorang kan rumah besar, adik beradik ni [ini] duduk sini, lepastu [selepas itu] dia ada dapur dia, bilik dia lepastu [selepas itu] tu [itu] mak Mami duduk rumah belakang tu [itu] lepastu [selepas itu] bapak [bapa] saudara Mami yang kira senang sikitlah ada kerja, besar sikitlah rumah dia, siap ada kerusi-kerusi lah, zaman dulu kan. Nenek Mami pun duduk disitu jugok [juga]. Nenek Mami dia menjual nasi dagang, nasi kunyit semualah. Jadi apabila pegawai Kebajikan Masyarakat pergi *check* [periksa] rumah tu [itu], dia tengok rumah tu [itu] besar. Keadaan rumah tu [itu] besar jadi dia beranggapan yang ayah Mami ni [ini] kira orang beradalah. Dia tak usul periksa kan rumah ni [ini] dia tengok je [Sahaja] rumah ni [ini] nampak besar. Jadi permohonan ayah Mami tu [itu] tak diluluskan. Jadi masa lepas habis LCE [Lower Certificate of Education] dapat result tu [itu] Mami masuk tingkatan 4 [empat], kawan-kawan Mami yang sama-sama dapat bantuan tu [itu] ajak la Mami pergi ambik buku sebab dia dah [sudah] dapat surat menyatakan boleh ambik buku tu [itu]. Jadi Mami cakap dengan kawan sama kelas dengan Mami. Mami cakap “Mami takde [tidak ada] surat lagi” dia dah [sudah] dapat suruh menyatakan suruh ambik dekat stor *welfare* [kebajikan] tu, stor pejabat kebajikan. Lepastu [selepas itu] dia kata “Takpelah [tidak apalah] mari lah kita pergi kot [mungkin] surat tak sampai mungkin nama ada dah”. Mami pergilah dengan dia, memang takde [tidak ada] nama Mami. jadi kiranya ---. Mami pun pergi ke pejabat *welfare* [kebajikan]. Masa tu [itu] dia dah pindah dari tempat terbakar tu [itu]. Di

jalan kamdar kita turun tu... [itu] kan menghadap Pulau Kambing balik bukit dekat Seri Malaysia tepi air tu, jadi dia pindah pejabat di situ. Jadi Mami pun pergilah tanya “Kenapa saya tak dapat lagi surat kelulusan dapat buku ni [ini]”. Di seketika itu, hanya seorang *office boy* [budak pejabat] yang menjawab dengan lantang kepada Mami, “Hei kau tak tau ke permohonan ayah kau tak lulus!”. Masa tu [itu] Mami *quite famous* [agak terkenal] dah [ketawa]. Masa naik *form* [tingkatan] 4 [empat] tu [itu] Mami dah menari dah, menyanyi dah pernah wakil negeri. Mami rasa sangat malu lah. Masa dia *shout* [jerit] tu [itu] memang dalam *office* [pejabat] tu [itu] lah. Mami sedih sebab kita pun ada peribahasa kan “Kalau nak kena tumbuk biar tangan yang bercincin”. Sedangkan dia hanya *office boy* [budak pejabat]. Tapi dia dah jerit perangai dia macam tu [itu] kan. Mami kalau pegawai-pegawai sikit atau kerani rasa boleh tahan sikit. Kita pun malu sebab kita dah ada nama jugaklah masa tu [itu]. Mami menangis terus pergi rumah kawan Mami. *Bestfriend* [kawan baik] lah, *BFF* [Best Friend Forever] sampai sekarang. Mami cakap dengan dia, dia anak orang berada jugaklah. Mami kata “Nak berhenti sekolahlah” nak naik *form* [tingkatan] 4 [empat] dah tu. “Kenapa?” Mami ni [ini] menangislah. Mami cerita la kat [dekat] dia permohonan tak lulus. Dia marah kat [dekat] Mami “Kita ada 2 [dua] tahun lagi, sekarang *form* [tingkatan] 4 [empat] lepastu ada *form* [tingkatan] 5 [lima]. Dia bagi Mami duit RM15. Masa tu [itu] dah kira besar lah kan RM15 dia suruh Mami beli buku dulu. Dia duduk kelas *arts* [seni] Mami duduk kelas *commerce* [perdagangan], “Yang lain tu kita tukar share lah”, Kelas *arts* [seni] mungkin BM [Bahasa melayu] dulu, kelas Mami BM [Bahasa melayu] kemudian, BI [Bahasa inggeris] *something* [macam] gitu [begitu] lah. Jadi yang lain-lain tu [itu] kita gilir lah dia cakap. Mami sampai sekarang pun Mami ingat maknanya yelah semuanya ketentuan tuhan atas Mami kan. Tapi rasanya kalau tak sabit [kait] dengan dia memang Mami tak sekolah lah kan. Tak sampai lah habis belajar kan. Itu maknanya peristiwa tu---. Mami pun masa kat [dekat] sekolah pun kalau bawak [bawa] duit 40 sen tu [itu] untuk tambang bas. 20 [dua puluh] sen pergi, 20 [dua puluh] sen balik. Kawan Mami tadilah kami ada 5 [lima] orang siap ada group DINAS (ketawa). Yang ni [ini] D, Mami S. Jadi dia salah seorang daripada 5 [lima] tadi tu [itu] yang Mami cerita tadi tu [itu]. Kalau time *recess* [rehat] pun dia selalu datang kat [dekat] kelas Mami, ajak Mami keluar makan. Mami kata “Dah kenyang dah” Mami cakap. “Kenyang apa aku tau dah mu [kamu] dok [tidak] makang [makan] lagi” dia cakap gitulah [begitulah] sebab dia tau

[tahu] Mami bohong kan. Mami pun segan sebab hari hari dia belanja kan. Jadi gitulah pengalaman pahit Mami semasa belajar lah. Panjang sikit la cerita.

AM: Takpe. [tidak apa]

WS: Takpe [tidak apa] *you cut it short* [kamu potong pendek]. Boleh *edit* [ubah suai] kan?

AM: ha betul.

TAMAT BAHAGIAN B

BAHAGIAN C: PENGALAMAN KERJAYA SEBELUM BIDANG TARIAN

- AM: Sekarang ni [ini] saya nak beralih ke pengalaman kerjaya Mami sebelum menceburi bidang tarian.
- WS: Mami anggota Kerajaan.
- AM: Mami anggota?
- WS: Selepas habis sekolah ---. Mami kerja lah maknanya kakitangan anggota Kerajaan lah. Lepas Mami habis sekolah tu [itu], *result* [keputusan] belum dapat lagi, Mami memohon jawatan kerani sekolah. Dulu dia kerani sekolah tapi kemudian tu [itu] dia dah tukar nama skim tu jadi Pegawai Kerani Pendidikan. Maknanya Pegawai Pendidikan tu [itu] berkhidmat di sekolah tak pun berkhidmat di Pendidikan takpun Pendidikan daerah ke Pendidikan negeri ke dia panggil Pegawai Kerani Pendidikan. Tapi mula-mula Mami berkhidmat tu [itu] kerani sekolah lah kiranya. Jadi Mami sebelum *result* [keputusan], kebetulan ada kosong sebelum *result* [keputusan] keluar lagi Mami mohon *interview* [temuduga], Mami dapatlah jawatan kerani. Jadi mula-mula Mami bertugas tu [itu] 24 Januari 1963 sebagai kerani di Sekolah Kebangsaan Tengku Ampuan Mariam disitu. 1 Februari 1975 Mami ditukarkan ke Sekolah Rendah Sultan Sulaiman 2. 1 Mac 1982, Mami dapat naik pangkat ke kerani kanan daripada kerani biasa ditukarkan ke Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu. Jadi semasa di Pendidikan tu [itu], Mami takde [tidak ada] diploma dan STP [sijil tinggi persekolahan] tapi seorang kerani kanan, kita layak mengambil 1 [satu] peperiksaan khas yang melayakkan kita memohon jawatan---. Kalau kerani, walau dia tinggi pun dia kategori C, Kumpulan C lah. Jadi kita layak mengambil 1 [satu] peperiksaan khas, dimana kalau kita berjaya kita dapat naik pangkat ke kumpulan B walaupun kita takda STP [Sijil Tinggi Persekolahan] walaupun kita takda [tidak ada] diploma. Jadi Mami lepas naik kanan tu [itu] kerani kanan je [Sahaja] yang boleh mohon. Mami memohon lah peperiksaan tu [itu]. Mami menduduki peperiksaan tu [itu] walaupun masa tu [itu] dah 40 [empat puluh] lebih lah usia Mami. Lepastu Mami pun lulus. Bila Mami lulus tu [itu] ada iklan jawatan kosong oleh SPA, [Suruhanjaya Perkhidmatan Awam]. Mami memohon lah jawatan---. Dia jawatan kumpulan B tu [itu] Penolong Pegawai Tadbir. Jadi Mami memohon, dia panggil *interview* [temuduga], Mami pergilah SPA [Suruhanjaya Perkhidmatan Awam] Kuala Lumpur, *interview* [temuduga] Mami dapat jawatan tu [itu] di tempatkan di cawangan B Bahagian Latihan Jabatan Latihan

Perkhidmatan Awam Malaysia. Mulai 1 Julai 1993. Jadi dari Kumpulan C Mami naik pangkatlah sikit [sedikit] jadi Kumpulan B walaupun gaji tu [itu] kita orang yang sedang berkhidmat, dia tak---. Kalau gaji *starting* [permulaan] dia tu [itu] rendah pada gaji kita sekarang, dia akan bagi 1 [satu] kenaikan saja [Sahaja] dari gaji kita di jawatan lama tu [itu]. Jadi bezanya RM60 [enam puluh] je [Sahaja] masa Mami dapat tu [itu]. Mami dapat pun masa tu [itu] umur Mami dah 49 [empat puluh Sembilan]. Pencen umur 55 [lima puluh lima] je [Sahaja] waktu tu [itu] kan. Jadinya tukar duduk Kuala Lumpur jugak [juga] tapi Mami tak kisahlah sebab orang *interview* [temuduga] tanya “Nak ke kalau dapat, cuma naik gaji RM60 [enam puluh ringgit] duduk KL [Kuala Lumpur] pula tu?” dia kata. Kena sewa rumah, gaji tak banyak naik lah mana kata Mami tak kisah sebab bila kita duduk di jawatan Kumpulan B tu [itu], segala kemudahan lain tu [itu] akan berbeza lah. Kita dapat kemudahan cuti lebih sikit, segala-segala kemudahan lain tu [itu] walaupun kita dapat gaji tu [itu] sikit je [sahaja] tapi sekurang-kurangnya kelebihan lain tu [itu] kita dapat lebih lah. Jadi sepanjang Mami sebagai kakitangan awam, tadi Mami pun dah bagitahu, masa di sekolah lagi, sekolah menengah tu [itu] Mami dah menganggotai 1 [satu] kesatuan di Kuala Terengganu lah Kesatuan Belia Darul Ehsan. Dia 1 [satu] kesatuan yang sangat aktif dalam bidang kesenian dan kebudayaan di negeri Terengganu. Kalau ada pertandingan apa-apa, kebiasaanya antara kesatuan belia lah dalam negeri Terengganu ni [ini] bila kita masuk bertanding, kita akan menang, jadi kita menang kita akan mewakili negeri Terengganu, bertanding di peringkat---. pada waktu 60an [1960] tu [itu] Malaya lagi Tanah Melayu tahun '62 [1962]. '63 [1963] baru ada Malaysia kan. Jadi kita pernah menang seluruh Malaysia lah. Masa tanah Melayu tahun '61 [1961], '62 [1962], kita johan seluruh Malaysia. Johan seluruh Malaysia tahun '62 [1962], Kumpulan Mami ni Darul Ehsan, mewakili Terengganu kita bersama dengan Thailand, Singapore [Singapura], Sabah Sarawak masa tu [itu] tak masuk Malaysia lagi, kita pernah *round* [jelajah] buat pertunjukkan lah. Pergi Pinang, pergi Melaka, Ipoh, sampai ke Singapore [Singapura] kita buat persembahan. Jadi balik daripada *round* [jelajah] berapa negeri dekat Malaya tu [itu], ada *shooting* [penggambaran] filem di Terengganu, ceritanya ‘Chuchu Datok Merah’. Jadi Chuchu Datok Merah tu [itu] memang kejadian dia di Terengganu lah, Datok Merah tu [itu] orang Terengganu jadi cucu dia ada cerita Sejarah lah. Jadi dia buat *shooting* [penggambaran] tu [itu] di Terengganu, Nordin Ahmad, Arwah Nordin Ahmad

berlakon dengan Latifah Omar jadi ada 1 [satu] babak dimana diorang [dia orang] pergi tengok temasya pantai. Dan kita dulu kalau orang Terengganu kan main Pantai jadi dia *shooting* [penggambaran] tu [itu] dia buat dekat Chendering, jadi masa tu [itu] Mami dalam Darul Ehsan, kita johan seluruh Malaysia jadi dia ambik *group* [Kumpulan] Mami menari untuk pesta pantai dalam cerita tu [itu]. Itu kiranya Mami kali pertamalah walau tak berlakon, menarilah dalam filem. Masa diorang [dia orang] datang tu [itu] 'Cathay Keris Production' buat *interview* [temuduga] cari pelakon dari Terengganu. Mami pun mohon jugak [juga] *screentest* [uji bakat] masa tu. Kami 3-4 [tiga, empat] orang, Mami dapat ujibakat tu [itu] dapat berlakon terima tawaran tapi ada Arwah Ali Aziz tu [itu] dia penulis skrip cerita-cerita wayang, dia *slow talk* [bercakap dengan lembut] dengan Mami, masa tu [itu] Mami baru '62 [1962] Mami baru masuk 18 [lapan belas] tahun. Kita ingat *glamour* [terkenal] dah kan jadi Bintang filem. Tapi Nasib baik dia nasihat Mami dulu "Saya nasihatkan, toksoh [jangan] terima lah" maknanya doksoh [jangan] terima jadi pelakon lah. Kehidupan seorang pelakon mungkin zaman dulu lain – sekarang ni memang kita tak tahulah. Kehidupan seorang pelakon ni [ini] kalau kita tak kuat iman, dia banyak terdedah dengan benda yang tak baguslah. Dia *slow talk* [bercakap dengan lembut] dengan Mami tu [itu], Mami tak terima lah walaupun Mami lulus *screentest* [ujibakat] tu [itu]. Tapi itulah, Allah dah tentukan begitu. Tidak cerita kita jadi lain pulak [pula] kan. Jadi dari situ *start* [mula] berlakon filem, pertandingan tarian lepas penubuhan Malaysia pun, tahun '68 [1968], Darul Ehsan wakil Terengganu lagi, kita dapat lagi johan seluruh Malaysia. Masa tu seluruh Malaysia lah tahun '68 [1968]. Jadi Darul Ehsan ni [ini] memang *famous* [terkenal], apa-apa saja persembahan di Terengganu ni [ini], memang diorang [dia orang] akan jemput Darul Ehsan untuk buat persembahan. Jadi kebiasaanya dulu-dulu kalau sempena hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu, hari pertabalan, memang dia ada perayaan. Kadang-kadang 3 [tiga] hari 3 [tiga] malam. Ada penganugerahan pingat di Istana Maziah yang sekarang ni kat [dekat] *post office* [pejabat pos] tu [itu] kan yang depan shahbandar tu [itu] dia ada Pengkurniaan Pingat. Dulu takde [tidak ada] pokok-pokok disitu dia padang. Padang tu [itu] dipanggil Padang Maziah. Kalau ada persembahan malam sempena perayaan-perayaan tu [itu], dia buat pentaslah di padang tu [itu] dan jugok [juga] di shahbandar. Jadi setiap tahun, semasa ada perayaan begini, diorang [dia orang] memang jemput Darul Ehsan buat persembahan. Jadi Mami salah

seoranglah yang biasanya menari. Menari di malam penganugerahan pingat di Istana Maziah, kalau *high-tea* [minum petang] di kediaman Menteri besar, dia jemput kita menari, dan jugak [juga] 1 [satu] malam tu [itu] dia akan beri kepada Darul Ehsan untuk buat persembahan. Persembahan tu [itu] ikutlah ada tarian, ada nyanyian, ada apa-apalah 1 [satu] pentas khusus untuk kebudayaan. Di samping banyak pentas lain, ada Wayang Kulit, ada Rodat, ada banyaklah persembahan-persembahan lain selain pentas khusus untuk persembahan kebudayaan dimana Darul Ehsan akan diberi 1 [satu] malam. Mami pun menari jugaklah. Jadi ketiga-tiga hari tu [itu], maknanya Darul Ehsan ni memang dijemputlah sebab kita johan seluruh Malaysia, Malaya.

IA: Depan raja ke?

WS: Kalau malam pengurniaan pingat tu [itu] depan rajalah. Jamuan teh di kediaman MB pun memang buat khusus untuk raikan dialah. Hari keputeraan dia, hari pertabalan dia. Jadi cuma di pentas tu [itu] dia [Raja] tak keluar la pentas malam tu [itu] sebab orang ramai keliling kan dia takda [tidak ada] khusus laluan ataupun letak kerusi untuk dia tu [itu] taklah. Memang 3 [tiga] malam hok [yang] di luar padang-padang memang 3 [tiga] malam berturut-turut, cuma group untuk kebudayaan ni dia bagilah tapi dia *allocate* [memperuntukkan] 1 [satu] malam untuk darul Ehsan. Lepastu [selepas itu], semasa Dato' Nik Hassan jadi Menteri besar, semasa kami ada *rehearsal* [raptai] di kediaman dia, sebab *rehearsal* [raptai] untuk persembahan *high-tea* [minum petang] itula. Dia dengan isteri dia memang minat jugaklah kebudayaan ni [ini]. Suami-Isteri akan keluar tengok kita *rehearsal* [raptai]. Jadi dia *suggest* [cadang] untuk Pegawai Kebudayaan masa tu [itu] buat 1 [satu] kertas kerja, sebab dia tengok Darul Ehsan ni [ini] aktif sangat kan, cuma kita hanya 1 [satu] kesatuan biasa, bukan 1 [satu] badan kebudayaan khusus negeri tu [itu] doklah [tidaklah]. Bukan aktif tarian saja, dia ada kelas bimbingan untuk anak-anak ahli, ada sukan tapi dia *famous* [terkenal] dengan kesenian dan kebudayaan Darul Ehsan. Jadi dia suruh buat kertas kerja, bentang dalam mesyuarat Kerajaan negeri. Jadi dia lulus, maka pada 1 April 1974, tertubuhlah 1 [satu] persatuan yang dinamakan Kumpulan penari dan pemuzik tetap negeri Terengganu dibawah pejabat SUK (Setiausaha Kerajaan Terengganu) yang ringkasnya dipanggil kumpulan SUKTRA. SUKTRA tu SUK Terengganu lah. Jadi semua ahli Darul Ehsan yang menari, masuk menganggotai Kumpulan SUKTRA (Kumpulan Penari Dan Pemuzik Tetap Negeri Terengganu) tadi. Jadi kumpulan SUKTRA (Kumpulan Penari Dan Pemuzik Tetap Negeri Terengganu) ni [ini] oleh

kerana dia dibawah Kerajaan negeri, maka adalah elaun sikit-sikit untuk kitorang [kita orang]. Walaupun kitorang [kita orang] hanya *part time* [sambilan], tapi adalah elaun sikit-sikit kalau Darul Ehsan tu kita takde [tidak ada] elaun tetap setiap bulan, kalau ada orang panggil ada *show* [[ersembahan] ada lah bayaran, bagilah sikit-sikit sorang, RM10 [sepuluh ringgit] ke seorang, masa dulu kan berapa sangat dia punya duit. Pada kita tu RM10 [sepuluh ringgit] tu [itu] dah banyak zaman dulu 60an [1960]. Jadi mulai 1 April '74 [1974] tu [itu] bila tertubuhnya SUKTRA (Kumpulan Penari Dan Pemuzik Tetap Negeri Terengganu) tu [itu], kita semua ni [ini] (ahli Darul Ehsan) menganggotai kumpulan SUKTRA (Kumpulan Penari Dan Pemuzik Tetap Negeri Terengganu) dari situ—Mami nak kata kerjaya bukan kerjaya dok (tak)? Kegiatan Mami, aktiviti Mami dalam kebudayaan dan kesenian ni [ini] berterusan dalam Kumpulan SUKTRA (Kumpulan Penari Dan Pemuzik Tetap Negeri Terengganu). Kita ada banyak *show* [persembahan], penglibatan, sebelum SUKTRA [Kumpulan Penari Dan Pemuzik Tetap Negeri Terengganu] tu akhir '69 [1969] awal 70an [1970] gitulah kena *cut short* [potong pendek] tapi *you all edit* [kamu semua ubah suai] la makna ikut *sequence* [turutannya] yang betullah. Sebab nak cerita ni [ini] bermula kegiatan Mami dalam gamelan. Sebab dia bermula 70an [1970], tahun '70 [1970] lah dia bermula akhir '69 [1969], tapi sebenarnya waktu tu [itu] gamelan ni [ini] dia dah lama takde [tidak ada], dia masa Almarhum Sultan Sulaiman, Almarhumah Tengku Ampuan Mariam tu [itu], sejarahnya Tengku Mariam ni [ini] anak Sultan Pahang, dia kahwin dengan Sultan Sulaiman Putera Sultan Terengganu. Tapi gamelan tu [itu] dari Riau Lingga, Sultan Ahmad dia pergi Riau Lingga ada permainan Gamelan dia minat. Jadi kalau ada apa-apa *function* [pertemuan] di Istana Pahang tu [itu], dia akan bawak Gamelan ke Pahang buat persembahan. Jadi Sultan Ahmad dia minat sangat, dia suruh anak dia Tengku Mariam jadi dia ajarlah [ajarlah] Tengku Mariam meminati sama Gamelan. Jadi bila dia kahwin dengan Sultan Sulaiman, Gamelan tu [itu] dia bawak [bawa] ke Terengganu. Jadi dari situlah Gamelan berkembang di Istana Terengganu. Istana Kolam. Jadi semasa suami isteri tu [itu] hadir, Sultan Sulaiman yang buat lagu gamelan, dan Tengku Ampuan Mariam reka cipta tari gamelan. Jadi bila Jepun masuk, Sultan Sulaiman mangkat, takde [tidak ada] Gamelan lagi dah. Masa Jepun masuk lah tahun '45 [1945] gitulah. Takde [tidak ada] gamelan lagi dah. Tahun '68 [1968] tu, arwah Tan Sri Mubin Shepard seorang aktivis sejarah gitulah dia *mat salleh* [orang barat berkulit putih] masuk islam. Jadi dia dengan seorang anak Terengganu datang

ke Istana Kolam dia berjumpa menghadap Tengku Ampuan Mariam berbincang. Tengku Ampuan Mariam setuju, maka sejak itulah Gamelan dihidupkan Kembali selepas lebih kurang 25 tahun takde [tidak ada] persembahan. Jadi peringkat awal tu [itu] diorang [dia orang] berlatih, ada beberapa orang pemuzik asal semasa Istana Kolam. Arwah Pok mit, Arwah Pok mat, Arwah Ayah ku, Arwah Pok bo. Dia ni memang orang pemain asal masa zaman Sultan Sulaiman. Masa dia hidupkan Kembali tu [itu] diorang masih ada. Tapi diorang semua dah takdelah [meninggal]. Mami peringkat awal tu [itu] tarian gamelan, dia memakan masa jugaklah untuk orang belajar kan, tapi peringkat pertama mula-mula dia boleh *perform* [laksanakan] tu [itu] adalah main Gamelan. Takdok [tidak ada] tarianlah sebab tari ni [ini] susah sikit nak belajar. Jadi lepas pada tu [itu], barulah ada tarian lepas beberapa bulan. Mami peringkat awal Mami tak *involve* [terbabit], sebab Mami mengandungkan anak Mami masa '68 [1968] anak Mami nombor 3 [tiga], jadi Mami tak campurlah. Tahun '69 [1968] Mami mengandungkan anak Mami nombor 4 [empat] tahun '70 [1970] Mami pun tak campur, jadi selepas pantang anak Mami yang nombor 4 [empat] tadi, persembahan pertama Mami dalam Gamelan ni ialah menyanyi lagu Timang Burung, mengiringi tarian Timang Burung, masatu [masa itu] Kumpulan ni [ini] bukan SUKTRA (Kumpulan Penari Dan Pemuzik Tetap Negeri Terengganu), Kumpulan Joget Gamelan Diraja. Bukan bawah SUKTRA (Kumpulan Penari Dan Pemuzik Tetap Negeri Terengganu) lah. Masa tu Mami short *cut* [pintas] balik ke cerita Gamelan ni sebab dia dulu dari SUKTRA (Kumpulan Penari Dan Pemuzik Tetap Negeri Terengganu) 1 April '74 [1974]. Itu semasa rakaman di filem negara, boleh tengok *Youtube* Joget Gamelan Diraja Timang Burung ada Mami menyanyi di *Youtube*. Lepastu [selepas itu] Mami terus aktif lah dalam tarian gamelan tadi. Bila tertubuhnya SUKTRA (Kumpulan Penari Dan Pemuzik Tetap Negeri Terengganu), antara objektif dia termasuklah mengembangkan, menghidupkan, memartabatkan kembali tarian-tarian tradisional Terengganu lah termasuk Gamelan tadi. 1 [Satu] lagi masa dalam Darul Ehsan tu [itu] dalam tahun '69 [1969] jugak [juga] – akhir '69 [1969] awal '70 [1970] lagu 'Ulek Mayang' diciptakan semasa dalam Darul Ehsan. Lagu itu diciptakan oleh Arwah Tuan Haji Mazlan Bin Embong dan Arwah Cik Azizi bin Sulaiman dengan mereka cipta tari dengan iringan lagu ulek mayang itu. Mami pernah menari sebagai puteri 7 [tujuh], masa mula mula peringkat 'Ulek Mayang' dipersembahkan. Jadi kalau 'Ulek Mayang' biasanya kena main muzik *live* [secara

langsung] bukan kita *play* [main] kaset. Biasanya lagu *live* [secara langsung] lah orang main muzik tu [itu] kita nyanyi dia *live* [secara langsung]. Jadi masa Mami nyanyi tu [itu] dia takleh [tak boleh] nyanyi lah. Jadi kawan Mami dalam Darul Ehsan jugak [juga] Fatimah Umar, dia akan menyanyi. Tapi kalau kita pergi rakaman, katakan RTM (Radio Televisyen Malaysia) zaman dulu pernah panggil, jadi kami *record* [rakam] dulu suara, zaman dulu bawak *tape recorder* [pita rakaman] masa kita *shooting* [penggambaran] dekat angkasapuri zaman dulu tu [itu] kita pasang je [Sahaja] lagu jadi Mami boleh la menari bila pasang *tape* [pita]. Kalau buat *live* [secara langsung], kalau Mami menari memang orang lain kena menyanyi. Mami jugak merupakan orang pertama menyanyi ‘Ulek Mayang’ semasa RTM (Radio Televisyen Malaysia) Terengganu ada di Terengganu ni. ’73 [1973] gitulah Mami pun tak berapa ingat. Dulu kan stesyen radio Pantai timur di Kota Bharu masa Terengganu takde [tidak ada] stesyen radio. Bila RTM (radio Televisyen Malaysia) sini ada, Mami merupakan orang pertama yang membuat rakaman lagu ‘Ulek Mayang’ ni siaran untuk radio Terengganu lah pada waktu tu [itu]. Lepas tu dalam SUKTRA (Kumpulan Penari Dan Pemuzik Tetap Negeri Terengganu) tadi ‘Ulek Mayang’ juga dipersembahkan selain tarian-tarian rakyat, tarian rakyat semasa dalam Darul Ehsan pun ada beberapa lagu dan tarian diciptakan, dipersembahkan. Tapi dalam SUKTRA (Kumpulan Penari Dan Pemuzik Tetap Negeri Terengganu) tu [itu] banyaklah lagu-lagu rakyat diciptakan. Jadi Mami pernah menyanyi lagu rakyat backing ke tarian, pernah menari lagu Gamelan, pernah menyanyi tarian Gamelan, dalam SUKTRA (Kumpulan Penari Dan Pemuzik Tetap Negeri Terengganu) memang takde (tidak ada) berlakonlah. Tapi bila kita buat drama tari, kan drama tari tu [itu] dia ada cerita tapi sambil tari. Mami pun menarilah kalau drama tari. Tarian rakyat, tarian Gamelan, nyanyi lagu rakyat, nyanyi lagu Gamelan, nyanyi lagu biasa selingan antara satu-satu bila kita ada *show* [persembahan]. Mami juga *part time* [sambilan] kat [dekat] radio RTM [radio Televisyen Malaysia] Terengganu daripada mula-mula dia ada. Mami pernah dijemputlah untuk berlakon sama ada drama bersiri yang loghat Terengganu, macam Kelantan jugak [juga] kan ada hok [hak] loghat Kelantan, kita ada loghat Terengganu. Banyak siri jugak [juga] dengan tajuk yang berbeza yang Mami pernah berlakon di RTM [Radio Televisyen Malaysia]. Banyak juga drama-drama biasa yang cakap Bahasa surat ni. Di radio pun Mami pernah berlakon, di pentas masa Darul Ehsan ada pertandingan drama, ada pertandingan tarian, macam-macam tu [itu] Mami

pun pernah berlakon, pernah jugak dapat pelakon terbaiklah bila bertanding. Ada kan dia pilih jugok [juga] pelakon terbaik kan. Jadi pernah dapatlah pelakon terbaik. Dulu kalau bertanding, pertandingan tarian, pertandingan drama dia ada 2 [dua] kategori. Drama purbawara maknanya cerita-cerita Sejarah, drama citrawara tu cerita moden. Jadi dalam darul Ehsan lah kami pernah dapat johan seluruh Terengganu jugaklah kalau pertandingan drama tu [itu]. Jadi drama radio, kalau ada RTM (Radio Televisyen Malaysia) ke, buat *shooting* (penggambaran) di Terengganu, kebiasaanya pelakon-pelakon tambahan ni dia tak bawak dari KL (Kuala Lumpur), kos dia mahal. Dia kena bayar tambang, kena bayar hotel, jadi kebiasaanya dia ambik pelakon-pelakon tempatan macam Mami ni lah untuk watak-watak pembantu lah. Jadi banyak jugak [juga] drama-drama- RTM [Radio Televisyen Malaysia] yang Mami berlakon. Bila diorang *shooting* [penggambaran] kat Terengganu, ada cerita yang sabit-sabit [berkait] dengan Terengganu, banyak jugak berlakon drama TV (televisyen), ada jugak [juga] haritu filem ‘Gelombang’ yang sekarang ni sejak akhir-akhir ni, setahun 2 [dua] ni dia ada keluar kat Youtube, dia tayang balik drama tu ‘Gelombang’ tu Mami berlakon, hok [hak] yang drama TV [Televisyen] pun banyak jugaklah [jugalah]. Jadi apa lagi? Mami rasa banyak dahtu [sudah itu] Mami cerita tu [itu]. Mende [benda] lagi nak tau. Mami *cover* [litupi] habis dok [tak]- penglibatan Mami dalam kebudayaan?

WS: Pergi mana sayang? [menuju ke rakan]

WS: Jauh tu [itu] bukan ke kat [dekat] Kuala Nerus.

WS: Ada apa lagi Mami tinggal?

AM: Kejap [sekejap]

WS: Mami banyak cerita [ketawa]

IA: Ciri-ciri?

WS: Nak soal ke nak Mami tambah ke ada dalam Soalan?

IA: Ada dah dalam soalan [ketawa]

TAMAT BAHAGIAN C

BAHAGIAN D: BIDANG TARIAN

IA: **Okay [baiklah] Mami, apakah ciri-ciri tarian melayu gamelan dengan tarian seni Mak Yong?**

WS: Oh lain, lain

IA: Oh, lain eh ciri-ciri dia?

WS: Mami rasa kalau tarian Mak Yong tu

IA: Dia halus kan?

WS: Dia ada unsur-unsur Siam dok [tak]? Rasa lah Mami dok [tak] tahu. Tapi kita, gamelan sendiri pun ada gamelan jawa, ada gamelan melayu, kalau yang hok [yang] kita ni [ini] gamelan melayu. Gamelan melayu dengan Gamelan Jawa, Gamelan Bali, dia lain-lain. Semua lain. Yelah bila tanya Mami, memang Mami kata cantiknya gamelan melayu [ketawa] sebab kita menari kan. Tapi, rasa sebab bali tu [itu] bunyi dia lain, Kalau gamelan jawa, gamelan bali memang lain kan. Kalau gamelan melayu kita ni [ini], pada Mami, memang- betul kalau ikutkan setiap tarian lagu tu dia ada keindahan masing masing dok [tak]? Molek dok molek [elok tak elok] masing masingnya. Tapi pada Mami lah, sebagai penyanyi dan penari Gamelan, yelah kalau kita tengok gamelan bali, gamelan jawa bila ada World Gamelan Festival, 2 [dua] tahun sekali, ni [ini] lama dah takde [tidak ada], rasanya molek hok [elok yang] kita. Keindahan, Keunikan, keistimewaan, kelembutan tu semua ada dalam tarian gamelan melayu. Kalau gamelan jawa tu [itu], dengan--- pastu dia rancak, Mami tak berapa suka lah.

IA: Okay [baiklah] Mami

WS: Ya

IA: **Bagaimanakah penerimaan orang terdekat atau keluarga Ketika Mami menceburi bidang seni? Penerimaan mereka?**

WS: Suamilah yang *tiok* [marah]. Maksudnya keluarga atau orang sekeliling macam mana?

IA: Keluarga dengan orang sekeliling.

WS: Orang sekeliling?

AM: Kawan macam tu [itu]

WS: Oh, kalau orang sama-sama seni macam kita ork [dialek] memang diorang *appreciate* [hargai], memang diorang [dia orang] suka. Bagi orang yang tak minat dalam bidang

seni ni [ini], memang diorang [dia orang] tak sukalah. Kalau nak dibandingkan zaman dulu masa Mami aktif tu [itu], seni dan budaya ni [ini] memang orang zaman dulu memang dia fikiran kuno [lapuk] sikit kan. Pada dia ni [ini] kalau orang seni macam Mami ni [ini] macam P. Ramlee kata “Low class” [kelas bawahan] cerita apa? ‘Masam-Masam manis’.

IA: ‘Masam-Masam Manis’.

WS: Hok [yang] bini dia pergi menyanyi kan? “Perempuan cabaret low class” [Perempuan hiburan kelas bawahan] dia kata kan. Zaman zaman dulu memang orang-orang dulu memang fikiran dia kolot sikit lah kuno [lapuk]. Jadi kalau terlibat dengan seni-seni ni [ini] 1 [satu] benda yang tak bagus sangat lah. Mami pun kalau dulu, Mami dia--- masa umur 10-11 [sepuluh – sebelas] tahun pun kita kadang-kadang berlakon jugak [juga]. Berlakon ‘Orang Sawan’ ke gitu kan? Buat cerita ‘Rantapan Anak Tiri’ ke apa gitu. Pernah buat persembahan di sebelah nak pergi tang [hala] ke--- kena naik perahu nak pergi kut [ke] seberang takir.

IA: Ha Seberang Takir.

WS: Kan zaman dulu kan kena naik perahu, naik bot tu [itu] *cross* [menyeberang] ke Seberang Takir lah, sebab ada persembahan di sebelah sana. Pak saudara Mami ada sorang duduk di Seberang Takir, dia memang seorang yang sangat warak [kuat agama]. Kalau sangat warak [kuat agama] --- adik Mami duduk dengan dia sorang, Mami duduk dengan orang kan. Adik-beradik ramai, Mak ayah orang susah kan, jadi orang ambik kadang-kadang dia kata tak bagi pun, diorang ambik kan. Hok [yang] Pak saudara Mami tu [itu] memang dia mintak [minta] lah sebab dia takdak [tidak ada] anak. Jadi dia bela adik Mami. Dia kalau nak buat *show* [persembahan] belah alik sana tu [itu], Nasib baik kita berlepas malam kan gelap. Tapi lepas kita naik bot rumah dia tu [itu] atas sikit daripada jeti Seberang Takir tu [itu], ada masjid baru kan.

IA: Haah [setuju]

WS: Jadi memang menyorok lah balik [ketawa]. Orang yang besar-besar sikit takut kebetulan dia ada di luar rumah kan. Takut dia tahu, mesti dia marahnya. Abang Mami sekolah arab, dia bagi kalau takde duit beli nak buku apa, pergi mintak [minta] dia bagi lah. Adik Mami tu [itu] memang dia sekolah Khairiah, sekolah arab, hok [yang] duduk dengan dia. Mami kan sekolah Inggeris. *Sorrylah* [maaf] kalau nak minta duit, nak beli buku, *sorryla* [maaf] Mami pun takut nak pergi mintak [minta]. Memang dia dok [tak] *encourage* [galakkan] sekolah inggeris. Itulah makna

kata susahnya penerimaan Masyarakat--- tu [itu] orang lain pun gitu jugak, tu [itu] _ baru dia marah kita kan, saudara-mara kita, memang orang dulu dia memang tak boleh nak terima anak-anak seni, anak wayanglah kita boleh kelaskan anak wayang memang tak boleh terima zaman dulu. Tapi Mami selepas Mami kahwin tu [itu], suami Mami ni [ini] dia 1 [satu] kesatuan dengan Mami. Sama sama menari jugok [juga], cuma dia tak boleh teruskan minat dia sebab dia kerja bank. Jadi kerja bank ni [ini] banyak keluar *unrecorded list* [senarai tanpa rekod] untuk buat persembahan merata tu, kita *government* [Kerajaan] memang boleh. Jadi sebab tu [itu] dia tidak boleh nak sambung minat dia dalam bidang kebudayaan. Tapi, Mami oleh kerana dia pun orang seni sebab tu [itu] lah Mami boleh meneruskan minat Mami dalam bidang ni [ini] walaupun kami--- masa dia meninggal pun memang Mami dah berhenti lama dah. Tapi semasa Mami nak berhenti pun--- Mami berhenti dalam SUKTRA (Kumpulan Penari Dan Pemuzik Tetap Negeri Terengganu). Ni cerita hok [yang] yang personal sikit lah kan.

IA: Okay [baiklah]

WS: Mami memang jenis orang jika diberikan tugas tu [itu], kita jalankan tugas tu [itu] dengan betul. Macam kita kerja makan gaji, gitu [begitu] jugak, maknanya tak pernah ponteng, kita buat kerja kita melainkan kita sakit ke barulah tu [itu]---. Jadi dalam SUKTRA (Kumpulan Penari Dan Pemuzik Tetap Negeri Terengganu) pun Mami pun gitu. Kita dulu *part time* [sambilan] jadi ada yang dah bekerja, ada yang baru budak-budak habis sekolah tu [itu] dia takde [tidak ada] tempat nak pergi mana dia *join* [sertai] SUKTRA (Kumpulan Penari Dan Pemuzik Tetap Negeri Terengganu). Tapi kita ramai yang dah kerja, jadi kita ni *part time* [sambilan] lah. Kalau Latihan itu [itu] *start* [mula] pukul 5 [lima] sampai pukul 7 [tujuh]. Jadi Mami sudah--- dekat RTM (Radio Televisyen Malaysia) pun gitu [begitu], kalau orang kata panggil *recording* [rakaman] RTM (Radio Televisyen Malaysia) pukul 11 [sebelas], kita sebelum pukul 11 [sebelas] dah sampai. Mami tak suka orang menunggu kita, orang tunggu kita takpe [tidak apa]. Jadi pukul 5 [lima] tu [itu] Mami dah siap sampai, balik kerja, anak ramai pun mak angkat Mami tadi ada kan, dia yang jaga anak Mami daripada mula-mula penglibatan, bila dia dah berumur sikit, tak larat tu [itu], anak Mami yang sulung tu [itu], Kak long tu [itu] dia ada adik ramai, dia yang jaga adik adik. Jadi Mami ni memang--- pukul 5 [lima] tu [itu] memang dah ada lah di tempat latihan tu [itu].

IA: *Punctual* [menepati masa] lah.

WS: Haah [tanda setuju] kadang-kadang---magnanya pukul 7 [tujuh] tu [itu] baru kita balik. Kadang-kadang orang bang [azan] maghrib tu [itu] kita di Tengah jalan. Mami memang kita--- setakat sampai sekarang pun rasa Mami jarang buat orang penganjur tu [itu] marah ke kita. Kita memang *punctual* [menepati masa]. Kita cukup jaga disiplin. Jadi pada 1 [satu] tahun tu [itu] Januari 1990, anak Mami yang tadi [tunjuk belakang] yang laki-laki tadi, masa tu [itu] dia darjah 2 [dua], Mami ambik dia balik sekolah, kami nak pergi beli cili sos di Chendering yang sedap lah cili sos dia. Jadi ambik dia, Mami nak gi [pergi] beli cili sos tu, beli dah, nak balik minyak kereta takde [tidak ada], yang Petronas sekarang, ni [ini] Batu Buruk ni [ini],

IA: Ha tau.

WS: Tapi masa Mami kena tu [itu] dia takde [tidak ada] *divider* [pembahagi jalan]. Depan Sekolah Zainal Abidin. Tadi jalan besar mari [datang]. Ke masuk ikut mana tadi? Masa tu [itu] takde [tidak ada] *divider* [pembahagi jalan]. Jadi takde [tidak ada] minyak tu [itu], lepas beli sos tu, patutnya masuk Lorong dah nak mari tang [ke] rumah Mami. Tapi Petronas tu [itu] depan sikit. Jadi kita pergi isi minyak, pastu keluar sudah isi minyak tu [itu], nak keluar balik, tengok dah kiri kanan memang takde [tidak ada] apa pun, gelap malam kan. Tapi taklah secerah macam sekarang. Tahun '90 [1990] tu. Jadi ada sioh [orang kurang siuman] tu [itu] dia orang kurang siuman lah. Dia ada seberang jalan tu [itu]. Jadi *opposite* [seberang] jalan keluar Petronas tu [itu] memang ada gabungan kuarters. Kuarters Kerajaan. Dia ada pagar memang pagar batu, ni [ini] depan--- sebelahnya sekolah Zainal Abidin ni [ini]. Petronas luar jalan Batu Buruk tu [itu].

IA: Dekat je [sahaja].

WS: Lepas kita keluar tu [itu]- keluar nak kena *U-turn* [pusingan U] balik sini lah, nak naik balik *U-turn* [pusingan U] ke rumah Mami, mari [datang] 1 [satu] kereta, laju dia. Jadi dia langgar kita. Kereta ni berpusing lah. Kereta Mami masa tu pakai Toyota Corolla kereta Mami T-G 5218 [lima dua satu lapan] lepastu [selepas itu] dia langgar tu [itu] berpusing- pusing. pastu [Lepas itu] langgar tembok batu opposite [berlawanan] tu [itu]. Pada tu -- cermin belakang pecah, Mami duk [sedang] panggil la "Nazrin Nazrin!" anak Mami ye (dia) panggil tu [itu] takde [tiada] senyap haa diorang (mereka) tu [itu] masa pusing tu rohok (teruk) jugak lah dalam kete [kereta] tu [itu] Mami pun sampai sekarang nih [ini] dia kita terlanggar *dashboard* [papan pemuka] haa Mami pun lekuk-lekuk ni [ini] lekuk [bekas] tahu? Orang Kelantan tahu

la kot lekok ni [ini] dia bekas dia sebab dia terlalu kuat sangat jadinya dia tu [itu] -- arwah bad dia tersengguk ni [ini] lah stereng tu [itu] kan - rupanya anak Mami ni dah berpusing pusing pecah cermin belakang tercampak --- [itu] dekat tayar kete (kereta) nasib baik ada pagar batu kalau takde [tiada] pagar batu tu [itu] lanyok (hancur) la dia tadi jadinya –

IA: Bahaya Mami tragedi ini (Menggeling kepala)

WS: Jadi itu lah dia tersepit bawah tu [itu] lah tayar dengan *bumper* tu [itu] kena pagar jadi sikit je lagi kalau takdop (tiada) pagar tu [itu] memang lanyok (hancur) lah dia tu [itu] jadi masuk hospital dia patah lah peha jadi diorang (mereka) semua tahu Mami tak (tidak) pergi lah latihan sebab duk (sedang) ulang-alik hospital apa gini-gini tak [tidak] pergi lah latihan.

IA: Mami masih pergi ke latihan SUKTRA [Kumpulan Muzik dan Penari Tetap Negeri Terengganu] ke?

WS: Mami dan beberapa orang beberapa orang lagi kita ni [ini] dia SUKTRA [Kumpulan Muzik dan Penari Tetap Negeri Terengganu] tu [itu] kita pergi kena tulis *attendance* (kehadiran) jadi Mami dan beberapa orang nih [ini] kiranya Mami yang tertua lah dalam *group* (kumpulan) SUKTRA [Kumpulan Muzik dan Penari Tetap Negeri Terengganu] tu [itu] tapi (tetapi) ada yang *band leader* (ketua kumpulan) ada yang penyanyi ada tu [itu] apa ni [ini] memang kita ni [ini] pergi tak pergi pun kita tak [tidak] perlu tulis *attendance* (kehadiran) haa jadi kita akan gaji kita akan berjalan jugak elaun kita akan berjalan walaupun kita hadir tak [tidak] hadir masa tu [itu] orang lain orang lain dia kena tulis *attendance* (kehadiran) dia bayar elaun mengikut kehadiran lah jadi Mami pun tak [tidak] pernah ponteng sehinggalah anak Mami masuk hospital 49 hari jugak lah dia apa tu [itu] kan (tidak) sekolah kan kije (kerja) Mami gi (pergi) dekat SUKTRA [Kumpulan Muzik dan Penari Tetap Negeri Terengganu] je lah Mami tak (tidak) pergi nya sebab *part time* (separuh masa) pun Mami tak pernah ponteng pun selepas Mami masuk ada satu surat - siaran di buku *attendance* (kehadiran) --- elaun akan dibayar mengikut kehadiran tak [tidak] siapa-siapa something (perkara) macam tu lah ayat nya jadi Mami pun tiada dia tuju orang lain melainkan Mami lah maksud dia kan sebelum tu [itu] takdop (tiada) apa-apa

jadinya yang pergi nya Mami jelah sebab anak *accident* [kemalangan] tu [itu] jadi Mami rasa memang siaran tu [itu] arahan tu [itu] memang dia buat khusus untuk Mami lah maksud nya dia nak cuba dia kan (tidak) kata nya *leave* [Tinggal] *this group* [kumpulan ini] dia kan kata lah kan tapi [tetapi] kita fahamlah (sambil mendesah) dengan cara dia wak [buat] gitu [begitu] cara wak [buat] halus lah maknanya oleh kita kan [tidak] pergi lama tu kan maknanya kalau tidak elaun memang jalan pergi tak [tidak] pergi pun tapi [tetapi] Mami tak [tidak] pernah ponteng sehinggalah kejadian anak Mami Mami rasa menangis menangis jugak kecil [kecil] hati kan sebab Mami *the first one arrived at the training place too the last to leave* [orang yang pertama tiba dan orang terkahir meninggalkan] maknanya kita sapa [sampai] keadaan dulu sekali balik magrib tengah jalan kan *I leave my children here and my husband* [saya meninggalkan anak saya dan suami saya] kan untuk kita pergi kan di situ dan tiba - tiba oleh kerana kita tak [tidak] pergi lah latihan tu kita pun ada sebab kan diorang [mereka] buat macam tu[itu] macam dia tikam Mami dari belakang cuma dia kan kan [tidak] kata lah *please leave* [tolong keluar] lah haa jadi Mami memang terasa sungguh lah haa terkilan terasa sungguh dua tiga kali dah Mami buat surat nak nak berhenti lah tapi [tetapi] Mami tak [tidak] sampai hati kan [tidak] hantar cuma Mami tak [tidak] pergi je lah

IA: Suami Mami ketika itu dapat tahu hal yang sebenar ke?

WS: Masa itu Mami duk (sedang) kata baik arwah Bad ni Mami pun bagitahu [memberitahu] dia lah kan Mami nak berhenti dia *challenge* [cabar] Mami tau [tahu] dia *challenge* [cabar] Mami pasal apa nak berhenti Mami ingat dia sebagai seorang suami mesti dia happy ork (reaksi setuju) Kan sebab isteri aku nak berhenti dah Mami ingat rupanya dia challenge (cabar) apa benda objektif Mami terlibat berpuluh-puluh tahun dalam bidang ni [ini] dia kata ke Mami lah Mami kata kan ingat kan Mami panggil cho anak beranak panggil cho dia Samsudin Mami bahasa mah (panggilan terkenal) lah pastu kata mah ingat Cho mesti suka mesti gembira dok sebab nak berhenti ni [ini] jadi balik (terbalik) sebab tu [itu] dia tanya dah apa benda tujuan melibatkan diri dia pun tak (tidak) pernah halang ork (tanda setuju) dia nak tengok something (perkara) lah dia punya impian dia nak suruh Mami buat macam satu sekolah sekolah di mana berlatih budak budak nak buat macam akademi lah macam apa tu ALLAHURABBI (istighfar) -- di KL (Kuala Lumpur) tu [itu] yang

menara jentayu tu [itu] Datuk Izani Izani dia memang nak kena KL (Kuala Lumpur) boleh hidup Terengganu kan (nada bertanya)

IA: Betul Mami (Sambil mengangguk kepala)

WS: Mami ramai jugak haa apa ni orang yang apa ni nak suruh Mami buka kelas anak dia kan pada ketika tu [itu] la lepastu (selepas itu) dia *expect* [anggap] Mami *end up* (terakhir) buka kelas ke sekolah ke ork (tanda setuju) Mami pun terus tak pergi sampai sekarang lah haa datuk SUK masa tu ye (dia) penaung SUKTRA [Kumpulan Muzik dan Penari Tetap Negeri Terengganu] lah dia baik sangat orang nya masa Mami tidak gi (pergi) tu [itu] dia tanya Mami tanya kaboo (memberitahu) “Tidak pergi dah” SUKTRA [Kumpulan Muzik dan Penari Tetap Negeri Terengganu] emas dia kata “pasal apa?” “takpa lah datuk Mami pun malas nak bercerita pasal apa.” Mami pun malas nak bercerita dia ni guana (macam mana) tak pergi dia kata kita punya pengorbanan masa dan tenaga ork setiap kali *show* Mami dengan *spotlight* (lampu terang) tu [itu] berpeluh-peluh sebab kita nyanyi (menyanyi) lagu rakyat kita menyanyi lagu biasa yang ni [ini] lagu lagu biasa yang *popular* [terkenal] ketika itu lah lagu sekadar pinggiran la dan sebagainya lagu gamelan kerja menari berpeluh-peluh kita ni [ini] setiap kali ada show (pertunjukan) sampai orang-orang pun dia *salute* (hormat) lah Mami. Daripada elaun Mami 40 (RM40) SUK masa dulu tu [itu] dia gi (pergi) tengok show (pertunjukan) tu [itu] pastu (selepas itu) pegawai jaga dia tu [itu] Encik Muta sekarang dato’ dah panggil “berapa dah elaun Wan Salmah” dia kata “empat puluh ringgit” [RM40] “empat puluh ringgit je?” (Nada bertanya) ohh (terkejut) kesian nya berpeluh-peluh dia pastu (selepas itu) dia naik lah enam puluh ringgit [RM60] jadi nya nak jawab soalan apa tadi apa yang Mami -- terasa sangat lah dengan perkara sedemikian.

IA: **Bagaimanakah Mami membahagikan masa untuk bersama keluarga dan kerjaya ni bagaimana sebelum kejadian anak mami?**

WS: Itulah kata Mami -- Mami gitu [begitu] lah arwah bad berhenti kije (kerja) sebab ada orang ajak dia *business* [perniagaan] pastu (selepas itu) ajak dia share (kongsi) *business* [perniagaan] lepas pada berhenti kije [kerja] masuk *business* [perniagaan] orang tu lari jadi dia pun *jobless* (pengangguran) lah jadi dia banyak masa di rumah lah lepastu (selepas itu) Mami pun ada macam Mami kata kan Mami ada mak angkat.

Bila mak angkat Mami uzur tu kak long pun dah besar kan jadi gitu (begitu) lah -- haa jadi gitu (begitu) lah memang Mami *busy* [sibuk] tapi Mami takde (tiada) masalah sangat sebab diorang(mereka) ada masa

IA: Mami, kita orang nak tanya apakah pengalaman manis Mami ketika mengembara ke negara lain?

WS: 1984 SUKTRA [Kumpulan Muzik dan Penari Tetap Negeri Terengganu] dipilih untuk membuat persembahan di Hongkong sempena *The Nineth Asian Art Festival* kita *perform* [beraksi] gamelan jugak lah pada masa tu [itu] memang Mami tengah menari sangat lah masa muda lagi lah masa tu [itu] kan masa tu [itu] 84 [1984] kan. Lepastu [selepas itu] 1988 SUKTRA [Kumpulan Muzik dan Penari Tetap Negeri Terengganu] dipilih oleh Kementerian Pelancongan Kebudayaan ni [ini] mewakili Malaysia dalam misi penggalakan pelancongan Malaysia ke negara Eropah. Jadinya kita pergi Frankfurt, kita pergi Milan, Itali kita pergi ke Amsterdam kita pergi ke Paris kita pergi ke London kemudian kita pergi ke Zurich masa tu [itu] kita *promote* [promosi] makanan Malaysia, kita *promote* (promosi) kebudayaan. walaupun kita Terengganu, kita tunjukkan jugak tarian-tarian India kita tunjuk juga tarian Cina sebab kita mewakili Malaysia kan. Selain pada tarian-tarian lain lah dan tarian kita sendiri .Pada Mami – dapat pergi itu merupakan satu penghargaan khusus lah sebab bukan senang kan nak dapat pergi kalau kita ada duit pun baik kita pergi Mekkah kan mahupun tiada duit kan (ketawa) tetapi dah pergi pun orang dia belanja semua cuma kita nak beli banyak kita perlu bawak [bawa] duit poket sendiri lah. Dia bagi juga duit poket macam tu [itu]. Masa tu [itu] 88 [1988] Mami tak sangka yang Mami akan terus berhenti pada tahun 90 [1990] kan jadi kita ingat kita tengah apa ni [ini] tengah rancak dan banyak peluang lagi lah lepastu (selepas itu) kan tetapi merupakan satu penghargaan pada Mami sangat berharga lah dapat pergi sana tu [itu] iyalah bukan senang rasanya untuk orang seperti kita kan pergi sampai walaupun tidak berapa lama pada satu-satu tempat tu [itu] tetapi ye lah pada masa dekat sebulan tempat itu Alhamdulillah dah lah.

TAMAT BAHAGIAN D

BAHAGIAN E: BIDANG LAKONAN

IA: Dikatakan Mami menceburi perfileman dan memegang watak sebagai penari gamelan dalam sesebuah filem Itali, "Sandokhan" apakah cabaran yang dihadapi semasa penggambaran tersebut?

WS: Masa itu dia pun tidak apa *strict* (ketat) sangat lah kan tetapi kita pun memang -- kiranya mahir jugaklah *okay* [baik] jugaklah persembahan kita itu kan tidak banyak masalah sangat lah dengan sebab kita cuma dalam ada babak yang menyelitkan persembahan gamelan lah dalam cerita itu jadi tiada masalah banyak sangat lah kita pun berasa *happy* (gembira) lah dapat perform (beraksi) kan dipilih untuk persembahan itu.

IA: Siapakah pengarah yang menjadi idola Mami sewaktu puan mahu mencuba bidang lakonan?

WS: Sebab masa berlakon itu Mami tidaklah bawak peranan yang besar sangat kan cuma kita kiranya jadi pelakon tambahan *supporting actress* (pelakon tambahan) *something* (perkara) begitu lah yang watak pun tak banyak sangat lah jadi nak kata idola pengarah itu idola yang mengarah kita mengambil bahagian-bahagian itu -- tidak tahu nak berkata kalau misal nya katakan macam yang kita minat P.Ramlee lain lah tetapi dia tidak pernah menjadi pengarah yang pernah kita berlakon dan tetapi dia memang kita minat dan kagum lah. Kebolehan dan arahan dia kan macam P.Ramlee itu Macam dengan ini macam Mami cakap lah tiada spesifik sangat sebab kita sikit-sikit je *scene-scene* (babak-babak) yang kita berlakon.

TAMAT BAHAGIAN E

BAHAGIAN F: PENGLIBATAN AKTIF

IA: Okay [baiklah] faham, adakah Mami membuka bengkel atau seminar kepada generasi baru yang berminat menceburkan diri dalam industri seni?

WS: Mami *personally* (berpendapat) tidak menganjurkan lah tetapi Mami pernah dijemput menjadi apa itu bengkel gamelan anjuran muzium Pahang dia jemput Mami untuk menganjur lah mengajar penari-penari lah selepas itu dua kali juga dia panggil Mami ASWARA [Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan] pun pernah memanggil Mami menganjur gamelan pada satu tahun itu selepas itu -- yang Terengganu sendiri pun masa SUKTRA SUKTRA [Kumpulan Muzik dan Penari Tetap Negeri Terengganu] Terengganu ini selepas pada Mami berhenti dah dia ada penari baru lah kan mereka ada buat bengkel gamelan dia panggil juga Mami salah seorang daripada jurulatih gamelan lah -- Di Warisan Sari dia bilik *personal* [persendirian] lah bilik seorang ye (dia) *husband* (suami) dengan *wife* (isteri) warisan Sari di Tok Jembal dia di situ apa ini suami isteri ini dia memang minat sangat bidang gamelan ini dekat rumah dia itu ada mini galeri di mana alat gamelan pun ada gambar-gambar lama pun ada macam mini galeri lah tempat dia jugak itu -- dulu pernah Mami -- setiap hari Sabtu mereka buat berjumpa santai lah dia *open to public* (terbuka untuk semua) kalau masa sekarang ini memang orang perempuan tidak boleh menari dan tidak boleh menyanyi kan tetapi kalau *close function* [penganjuran tertutup] yang tertutup mungkin boleh tetapi sebelum ini itu Mami pernah jugak dijemput menyanyi di Warisan Sari itu setiap Sabtu sebab dia *open to public* [terbuka untuk awam] memang di hotel-hotel pun memang dia siapa-siapa duduk di hotel itu dia ada macam maklumat lah info [maklumat] tentang Warisan Sari ini ada lah orang boleh mari tengok sampai sekarang pun dia punya *mission* (misi) pun bagus melatih - terbuka pada dia macam ambik sekolah menjadi anak angkat boleh pinjam alat gamelan untuk budak-budak berlatih. Ada sekolah-sekolah Tanjung Gelang itu sekarang ini kalau ada persembahan apa-apa sebab budak-budak sekolah yang *under twelve* (bawah 12 tahun) boleh *perform* (beraksi) kan di Terengganu budak-budak sekolah rendah boleh buat persembahan budak perempuan lah jadinya sekolah Tanjung Gelang biasanya dipilih lah jadi Mami ini ada jugak pernah ---.

IA: Mami pernah menjadi juri untuk warisan seni budaya itu?

WS: Sebagai juri kalau dulu tarian ada apa itu -- Allahurabbi (istighfar) -- ada Pesta Sukan Kebudayaan Kementerian Kesihatan dia buat di Terengganu jadi tuan rumah kan dia ada sukan ada tarian Mami pernah menjadi salah seorang juri lah menyanyi juri tarian kalau jadi -- Mami ini sejak akhir-akhir ini Mami dah berusia kita dari segi kerja fizikal itu Mami memang tidak kuat lah kalau kita nak mengajar lah kan -- nak mengajar sendiri tarian itu Mami memang tidak larat dah tidak berapa sihat mata dah kabur tetapi kalau untuk betulkan pergerakan-pergerakan gamelan itu lenggok badan khidmat nasihat begitu Mami memang boleh maknanya *willing* (sanggup) lah kalau orang minta nak khidmat nasihat Mami sebagai penari gamelan itu InshaAllah bolehlah cuma nak tunjuk fizikal gerak-geri itu memang tidak boleh lah kalau duduk nak tunjuk cara-cara masih boleh lah. Selepas Mami menerima anugerah itu pun ASWARA [Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan] pernah memanggil Mami juga selain daripada mengajar dekat dia dia buat satu program Bunga Air Gamelan petang itu dia ada bengkel, Mami merupakan salah seorang lah seorang panel lah ceramah begitu lah malam itu dia ada buat *show* (pertunjukan) ada persembahan dia minta Mami menyanyi mengiringi penari ASWARA [Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan] penari-penari daripada Terengganu pun dijemput juga masa itu. I (saya) pergi sendiri istana budaya dua kali dijemput Mami untuk *perform* (beraksi) lah tahun 2003 itu masa Mami memang sihat lagi masa itu dia jemput dah Mami sekali ke gitangan hasil gamelan lah kan tembaga la kan sekali dengan himpunan beratus orang *musician* (pemusik) pemusik gamelan adalah dia ambik daripada FINAS [Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia] ke. Selepas itu Mami menyanyi lagu gamelan yang asli lah pada tahun itu ada Kamelia dengan Ning Baizura dia menyanyi lagu dia tetapi diiringi musik gamelan juga jadi Mami bawa yang *original* (asli) *version* (versi) lah selepas itu terbaru pun dia itu -- 2021 kalau tidak silap Mami lah barulah 2021 ini dia jemput Mami sebelum Mami terima itu Mami dah memberitahu dia keadaan kesihatan Mami lah Mami cerita keadaan kesihatan mata Mami tidak beberapa nampak gini-gini baik Mami cerita dulu kan daripada bila nak *perform* (beraksi) tetiba kita kan mari serangan apa gini-gini merosakkan program orang jadi dia dah *meeting* (bermesyuarat) dia sanggup dalam keadaan Mami ni [ini] pun dia nak juga Mami selaku penyanyi-penyanyi gamelan yang orang lama lah mula-mula lah seperti biasa Mami bawak yang asli lah masa itu ada artis Ella selepas itu Danial apa entah selepas itu Naqiu sebab Mami

tidak kenal penyanyi baru ini mereka menyanyi lagu dia tetapi mengiringi muzik gamelan pada masa Mami pergi itu pun mereka memang layan itu sungguh lah memang Mami macam ini lah nak berjalan kalau belakang *stage* (pentas) memang lah gelap kan jalan begini pun orang kena pimpin Mami tetapi dia dah buat atur Mami mereka usung Mami di atas Tandu (sejenis kenderaan tanpa roda dibawa tenaga buruh untuk mengangkut manusia) dan diusung Mami di depan *stage* (pentas) itu selepas itu Mami menyanyi jadi dia sudah *arrange* (menyusun) lah sedemikian rupa lah seolah-olah orang tidak tahu lah Wan Salmah ini mata tidak nampak kan tetapi dia buat *specialy* (teristimewa) *made* (buat) lah jadi yang itu yang *last* (terakhir) lah baru 2021 rasanya November 2021 selepas itu yang Warisan Sari ini mereka buat *show* (pertunjukan) di hotel mana ye -- (sambil berfikir) dulu dia nama lain dulu pun dia jemput orang-orang lama dalam gamelan dengan kementerian-kementerian berkaitan lah dia suruh Mami menyanyi jugak lah lagu gamelan dengan iringan ada part (bahagian) kanak-kanak ialah yang mereka *train* (latih) dah mengiringi Mami yang terbaru lah yang March baru ini .

IA: Adakah anak-anak puan mempunyai minat yang sama seperti Mami?

WS: Kalau dalam bidang tarian itu anak Mami yang nombor ketiga perempuan itu dia di sekolah rendah itu, setiap tempat Mami mengajar atau kerja, kerja hakiki Mami lah sebagai kerani sekolah Mami memang ditugaskan juga lah mengajar tarian budak-budak kan sekolah itu sebab dulu mereka ada pesta muzik ada kebudayaan ada pertandingan tarian ramai jadi mereka dan guru besar tahu Mami boleh menari, boleh berlakon jadi Mami kena mengajar juga lah (ketawa) mengajar tarian jadi anak Mami yang nombor lima [5] yang masa itu yang nombor tiga [3] itu di sekolah itu kami buat pertandingan tarian masuk pertandingan tarian ada masa itu sekolah Mami baru mengajar dan masa Mami tinggal di pendidikan pun ada *annual dinner* (jamuan akhir tahun) kan mereka ini minat tetapi tiada orang yang nak ambil inisiatif kan supaya staf-staf kita itu yang ada minat itu dapat lah lepas gian (perasaan atau hasrat) itu kan nak menyanyi ke apa ke jadi Mami tolong *arrange* (menyusun) lah buat-buat begitu. Mami tukar JPA [Jabatan Perkhidmatan Awam] pun buat begitu JPA [Jabatan Perkhidmatan Awam] di KL [Kuala Lumpur] Mami ingat Mami tak nak (tidak mahu) dan nak buat diam je malas dah kan nk aktif tiba-tiba ada budak Terengganu kerja di

JPA [Jabatan Perkhidmatan Awam] dia memberitahu yang ini dia kata Mami masa dulu penari Ulek mayang, Mami kena la juga leading (mengetuai) di JPA (Jabatan Perkhidmatan Awam) itu. (Sambil ketawa) Merata tempat Mami pun mengajar *group* (kumpulan) Puspanita duduk di lembaga kebajikan perempuan Islam Mami kena *train* (latih) nasyid jadinya Alhamdulillah lah maknanya banyak tempat yang Mami banyak dapat apa itu -- turun lah ilmu ini lah sebab ilmu lain Mami tiada kan ilmu ini lah yang dapat Mami berbakti lah pada mereka itu.

IA: Pada masyarakat kan?

WS: Ya di pendidikan pun Mami wakil persatuan sukan dan kebudayaan setiap tahun. Setiap dua tahun ada pertandingan antara pendidikan - pendidikan seluruh Malaysia kan. Kita pun pernah menjadi Johan jugak, pernah jadi Naib Johan. Mula-mula itu Mami menari bila kita dah itu sikit dah kita ada cikgu yang ramai boleh dan Mami adalah seorang jurulatih untuk pendidikan itu jadi rasanya banyak jugak lah ini sekarang pun macam ini lah khidmat bakti Mami apa ini - tolong benda ini lah dalam menyiapkan kerja khusus mereka dan assignment (tugasan) Mami pun tiada benda lain yang boleh bagi. Mami tolong yang ini sahaja lah Mami boleh sedia ini la -- (Sedang tarik hinggus)

IA: Jadinya takkan hilang lah budaya seni kita ini kan Mami?

WS: Ya setakat ini adalah anak nombor lima [5] Raymond itu dia boleh berlakon dia boleh bernyanyi dia boleh bermain alat gamelan , dia pun dia student (pelajar) UiTM Dungun tetapi sekarang dia dah umur lima puluh [50s] dah tetapi dulu dia aktif aktiviti kokurikulum. UiTM Dungun [Universiti Teknologi Mara] biasa panggil dia untuk mengajar menari, mengajar bermain gamelan ini sampai sekarang ini dia buat kerja sendiri dan dia kena *pick time* (curi masa) la masa dia *free* (percuma) itu dan UiTM Dungun pernah panggil lah dia --- (Lama mendiam) Yang perempuan itu dia tidak terus lah sampai dia masuk MRSM [Maktab Rendah Sains Mara] dan dia berhenti masa dia sekolah menengah dan masa sekolah rendah dia bergiat -- (Lama mendiam)

TAMAT BAHAGIAN F

BAHAGIAN G: PANDANGAN, PENDAPAT & HARAPAN

IA: Pada pendapat Mami, sepanjang Mami menceburi bidang ini adakah Mami rasa ianya melelehkan?

WS: Dia begini kalau kita minat dalam satu-satu bidang dalam satu-satu lapangan kita buat benda yang kita suka jadi tiada masalah dan tiada rasa penat pun malah dia beri kita satu kepuasan.

IA: Sebab dari usia awal muda?

WS: Ya sebab daripada usia awal lah , daripada budak jadi kita tidak rasa Mami tidak rasa dan tidak rasalah perasaan itu tidak ada

IA: Pada pendapat Mami, mengapa tarian melayu Mak Yong disifatkan unik dan halus dalam pergerakan mereka?

WS: Makyong? (bertanya dan berfikir) Mami jarang sangat menonton ini tetapi -- dia begini setiap -- setiap seni warisan tradisi kita ini dia ada keistimewaan masing-masing , keunikan masing-masing -- macam juga gamelan cuma Mak Yong ini dia macam mana Mami nak bercakap (sambil berfikir) cuma dia lebih menarik itu dengan ada nya karakter lawak nya Mami rasa sebab dia ada dalam cerita kan dia pun kadang-kadang panjang cerita dia kan?

IA: Ya Mami, panjang (angguk kepala)

